Agenda Nasional untuk Pembangunan PKS

Sektor PKS yang kukuh dan dinamik akan merangsang ekonomi dan menyumbang kepada pencapaian pelbagai objektif pembangunan ekonomi. Pertumbuhan PKS yang berjaya akan memastikan penggunaan sumber dengan cekap, pewujudan peluang pekerjaan, penggemblengan tabungan dan pelaburan domestik, pertambahan bilangan usahawan rakyat tempatan, dan dengan itu meningkatkan penggunaan sumber tempatan dan memastikan pengagihan kekayaan secara lebih adil.

Sehubungan dengan ini, PKS memainkan peranan penting dalam program perindustrian negara melalui pengukuhan hubungan perindusrian ke hadapan dan ke belakang dengan firma-firma besar dan syarikat multinasional. Sektor PKS yang kukuh juga merupakan daya tarikan bagi pelaburan langsung asing (FDI).

Di samping itu, sektor PKS penting kepada matlamat Malaysia untuk membangunkan perusahaan rakyat tempatan, menggalakkan sumber pertumbuhan dalaman dan mengukuhkan prospek pertumbuhan ekonomi yang menyeluruh.

Sebagai mengiktiraf sumbangan besar PKS kepada ekonomi negara, strategi dan inisiatif untuk menggalakkan pembangunan PKS merupakan ciri penting yang terdapat dalam semua rancangan pembangunan ekonomi Kerajaan sejak beberapa tahun yang lepas, dengan hasrat untuk merangsang pertumbuhan sektor ini seterusnya. Sepanjang dekad yang lalu, hala tuju yang jelas untuk mempercepat pembangunan PKS telah dirangka melalui strategi khusus yang digariskan dalam pelan pembangunan berikut:

- Pelan Induk Perindustrian Kedua
- Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga
- Rancangan Malaysia Kelapan

Secara umum, strategi untuk menggalakkan pembangunan PKS dirumus bersandarkan persekitaran ekonomi yang sentiasa berubah dan mencabar, yang dicirikan oleh globalisasi, liberalisasi, dan kemajuan dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Fasa-fasa dalam pelan pembangunan ekonomi negara sepanjang tempoh ini yang jelas perencanaannya tertumpu pada pencapaian pertumbuhan ekonomi yang mapan serta berdaya tahan dan pengukuhan kedudukan daya saing negara melalui pertambahan kandungan pengetahuan bagi aktiviti yang dijalankan, di samping peningkatan inovasi dan penggunaan teknologi moden. Meskipun FDI tetap penting, lebih penekanan telah diberikan pada pelaburan dalam negeri dan penggalakan sumber pertumbuhan dalaman.

Memandangkan PKS merupakan sumber pertumbuhan dalaman yang penting, strategi khusus untuk membangunkan PKS terkandung dalam pelan pembangunan ekonomi negara, dengan penekanan diberikan untuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan PKS, dan mempertingkatkan akses PKS kepada pembiayaan. Dalam meningkatkan kapasiti dan keupayaan PKS, keutamaan diberikan kepada usaha meningkatkan keupayaan PKS dalam penggunaan ICT serta memperbaik kemahiran tenaga kerja PKS. Bantuan disalur dalam bentuk bantuan kewangan langsung dan melalui langkah-langkah yang bertujuan untuk mewujudkan persekitaran operasi yang lebih baik untuk PKS.

Pelan Induk Perindustrian Kedua (1996-2005)

Pelan Induk Perindustrian Kedua (IMP2) pada umumnya merencanakan dasar dan strategi bertujuan mentransformasikan sektor perkilangan menjadi sektor yang berdaya tahan, menyeluruh dan mampu bersaing di peringkat antarabangsa. Ini boleh dicapai melalui pengukuhan hubungan perindustrian ke hadapan dan ke belakang, peningkatan aktiviti nilai tambah dan juga peningkatan produktiviti.

Menyedari persaingan yang kian sengit lantaran globalisasi yang semakin pesat, IMP2 menggariskan lima teras utama untuk meningkatkan daya saing sektor perkilangan iaitu:

- Memperkukuh orientasi global;
- Memperbaik asas ekonomi;
- Membangunkan pengilang-pengilang yang membawa jenama Malaysia
- Meningkatkan daya saing melalui pembangunan berkelompok; dan
- Menerima pakai proses intensif maklumat dan proses yang didorong pengetahuan.

Dua strategi, iaitu Pembuatan Tambahan dan Pembangunan Industri Berasaskan Kelompok membentuk rangka kerja bagi pembangunan perindustrian di bawah IMP2.

Strategi Pembuatan Tambahan merupakan pendekatan bersepadu untuk meningkatkan rantaian nilai, daripada aktiviti bernilai rendah sehingga aktiviti nilai ditambah yang lebih tinggi seperti penyelidikan dan pembangunan (R&D), reka bentuk produk, dan pengedaran dan pemasaran. Pembuatan Tambahan juga melibatkan anjakan ke atas bagi keseluruhan rantaian nilai melalui pertumbuhan produktiviti dengan memanfaatkan kemajuan teknologi seperti automasi dan perobotan.

Strategi Pembangunan Industri Berasaskan Kelompok tertumpu pada pembangunan kelompok industri yang berdaya saing melalui penyepaduan industri, pembekal, industri sokongan, infrastruktur yang diperlukan dan institusi-institusi.

Ini merupakan penyimpangan daripada IMP pertama, yang menerima pakai pendekatan tradisional, iaitu berasaskan industri.

IMP2 mengenal pasti ketiadaan, atau ketandusan penglibatan daripada industri kecil dan sederhana (IKS) domestik sebagai faktor utama yang menyumbang kepada rantaian yang bertahap rendah dan lemah dalam industri di Malaysia, sepertimana ditunjukkan oleh kandungan import industri utama yang tinggi.

Oleh itu, IMP2 menekankan peri pentingnya membina rantaian dalam pelbagai sektor perindustrian dalam ekonomi. Strategi Pembangunan Industri Berasaskan Kelompok di bawah IMP2 memberi tumpuan pada cara-cara yang membolehkan IKS membantu membangunkan kelompok industri yang berdaya saing dalam ekonomi, dalam usaha mencapai rantaian yang lebih baik dan rangkaian pengeluaran dan pengedaran yang lebih efisien. Dengan ini, ia dijangka meningkatkan nilai ditambah sektor perkilangan kepada pertumbuhan ekonomi.

Satu program utama ialah Program Rangkaian Perindustrian (ILP) yang dilaksanakan untuk mengintegrasikan IKS tempatan dalam arus perdana sektor perindustrian. ILP bertujuan mewujudkan industri sokongan dan sampingan yang dinamik dan efisien, yang diperlukan untuk mengukuhkan rantaian industri yang lebih mantap.

Tumpuan ILP pada mulanya adalah untuk mengembangkan peranan IKS dalam industri yang berpotensi besar untuk membina rantaian. Lima kelompok industri telah dikenal pasti iaitu:

- Jentera dan kelengkapan;
- Elektrik dan elektronik;
- Industri automotif dan motosikal;
- Industri pengangkutan laut; dan
- Industri produk berasaskan kayu.

Di samping itu, IKS yang telah mencapai status vendor untuk membekali pengilang yang lebih besar, akan dibantu untuk mempertingkatkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam penambahbaikan produk dan inovasi proses bagi meningkatkan daya saing di peringkat global.

Kejayaan strategi Pembuatan Tambahan bergantung pada kemampuan IKS untuk terus berinovasi, membangunkan produk baru, memendekkan kitaran hayat pengeluaran dan menambah baik kualiti.

Untuk memudahkan usaha ini, Kerajaan menyediakan insentif dan persekitaran yang menyokong, bagi menggalak IKS menjalankan aktiviti R&D, khususnya dalam bidang panambahbaikan kualiti produk. Ini bertujuan memupuk kesalinghubungan IKS tempatan, yang juga berorientasi global.

IKS juga digalakkan untuk menjalin usaha sama dengan rakan-rakan di negara maju dalam usaha mendapatkan teknologi *niche* dan terkini. Penekanan pada aspek perniagaan ini diletakkan lebih tinggi atau selaras dengan keperluan IKS untuk mengekalkan tahap pengeluaran bagi menampung permintaan yang semakin bertambah terhadap komponen dan alat ganti pengantara, serta barangan siap. Untuk mendokong hasrat ini, Kerajaan menggalakkan institusi penyelidikan sektor awam yang khusus di samping pelbagai institusi teknikal dan universiti, untuk menjalankan dan memajukan R&D, kepakaran teknikal dan khidmat sokongan kepada IKS.

Bagi membangunkan pengilang yang membawa jenama Malaysia dan menggalakkan eksport, inisiatif diambil untuk menambah baik saluran edaran, meningkatkan akses pasaran, serta membangun kawasan perindustrian khusus untuk IKS. Untuk meningkatkan promosi eksport IKS, Kerajaan terus menyokong penubuhan Syarikat Perdagangan Am untuk menjalankan penyatuan dan promosi eksport.

Satu aspek penting ialah peningkatan kemahiran tenaga kerja IKS. Sehubungan dengan ini, insentif diberikan kepada IKS untuk terus melatih dan melatih semula tenaga kerja masing-masing, bagi meningkatkan kemahiran teknikal dan pengurusan, serta selok-belok keusahawanan. Di samping itu, IKS digalakkan memperoleh ilmu pengetahuan yang relevan dan kapasiti untuk mengendalikan peralatan yang canggih dan khusus bagi menyesuaikan dengan industri yang berlainan. Penekanan juga diberikan pada IKS untuk terus melabur bagi memodenkan dan mengembangkan loji, jentera, teknologi dan kapasiti pengeluaran.



ihsan daripada MIDA

Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (2001-2010)

Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RJJP3) menggariskan strategi utama bagi mengukuhkan daya tahan dan daya saing ekonomi melalui penggunaan pengetahuan dan teknologi. Strategi ini, antara lain bertujuan:

- Membangunkan Malaysia ke arah masyarakat berteraskan pengetahuan;
- Menjana pertumbuhan yang dipacu oleh sumber dalaman melalui pengukuhan pelaburan dan membangunkan keupayaan negara sementara terus menarik FDI ke dalam bidang-bidang yang strategik;
- Meningkatkan dinamisme sektor pertanian, perkilangan dan perkhidmatan melalui penerapan pengetahuan; dan
- Meningkatkan penglibatan Bumiputera dalam sektor utama ekonomi.

Salah satu teras utama RRJP3 adalah untuk mempromosikan sumber pertumbuhan baru dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan pertanian. Tumpuan pada strategi sektor bertujuan mencapai pertumbuhan yang mapan dan berdaya tahan di samping mengukuhkan keupayaan dan kapasiti rakyat tempatan bagi meningkatkan daya saing negara dalam pasaran global.

Teras sektor khusus yang dirumus untuk PKS di bawah RRJP3 ialah:

- Mengukuhkan sektor perkilangan dengan membangunkan rantaian yang kukuh, kelompok perindustrian dan memperkukuh asas teknologi;
- Menstruktur semula dan memodenkan sektor pertanian supaya dinamik dan berdaya saing;
- Meningkatkan sektor perkhidmatan sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi;
- Mempercepat kapasiti dan keupayaan pembangunan dalam sains dan teknologi bagi meningkatkan lagi daya saing dan kecekapan; dan
- Meningkatkan penggunaan ICT dalam semua sektor bagi meningkatkan produktiviti.



RRJP3: Mengukuhkan Sektor-sektor Strategik Ekonomi

(a) Perkilangan

Pembangunan PKS dalam sektor perkilangan di bawah RRJP3 akan diperkukuh bagi meningkatkan sumbangan mereka kepada aktiviti perindustrian arus perdana dan pasaran eksport. Sektor perkilangan disasar tumbuh 8.3% pada tempoh RRJP3, dengan tumpuan pada industri yang mempunyai nilai ditambah tinggi dan berteknologi tinggi.

Penekanan diberi pada pembangunan kelompok perindustrian yang dinamik, peningkatan dalam keupayaan industri untuk menyerap dan menyesuaikan diri dalam menggunakan teknologi baru dan R&D melalui pakatan strategik dan penglibatan sektor swasta serta pemerolehan teknologi. Produktiviti akan ditingkatkan dengan mempertingkatkan kemahiran dan keupayaan tenaga kerja dan pengukuhan sistem penyampaian. Pasaran berasaskan eksport akan diperluas melalui program peningkatan kualiti dan pembaikan penyebaran maklumat, peningkatan kemahiran pemasaran dan promosi, dan penandaarasan dengan piawaian antarabangsa.

(b) Pertanian

Sektor pertanian disasarkan menjadi sumber pertumbuhan yang penting yang dihasilkan terutamanya daripada tanaman perindustrian, pengeluaran makanan dan daripada aktiviti baru yang mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi seperti herba, produk keistimewaan semula jadi, penanaman pokok bunga dan bioteknologi. Sektor ini akan disusun semula dan dipermodenkan, dijadikan lebih dinamik dan berdaya saing di bawah panduan Dasar Pertanian Negara Ketiga (1998-2010), yang tertumpu pada pendekatan berasaskan produk yang didorong pasaran dan pendekatan agroperhutanan untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing global.

Teras strategik dalam pembangunan sektor pertanian adalah untuk meningkatkan penyerapan dan pengkomersialan dapatan R&D, membangunkan penggunaan alternatif seperti biofuel daripada minyak sawit dan menubuhkan pasaran *niche* untuk produk khusus. Usaha diperhebat untuk mempromosikan penggunaan mesin dan pengeluaran komersial produk makanan secara besar-besaran. Potensi akuakultur dan pertanian satelit akan diperkenalkan melalui pewujudan lebih banyak kawasan pengeluaran makanan. Perkhidmatan sokongan, R&D, pemasaran, bantuan dan khidmat nasihat; latihan dan kemudahan kredit akan diperkukuh untuk mempercepat proses pemodenan ini.

(c) Sektor Perkhidmatan

PKS juga memainkan peranan dalam pencapaian sasaran RRJP3 untuk meningkatkan sektor perkhidmatan keseluruhan sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi. Sektor perkhidmatan utama yang dikenal pasti termasuk pelancongan, perkhidmatan kewangan, perdagangan edaran, infrastruktur dan pengangkutan, utiliti dan sains dan teknologi. Sektor-sektor ini akan terus diperkukuh untuk menjana pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat melalui aktiviti mereka. Pembangunan sektor pelancongan akan dibantu melalui pendekatan pelaksanaan yang lebih bersepadu seperti penubuhan pihak berkuasa pelancongan dan kebudayaan di peringkat negeri, peningkatan pangkalan data pelancongan, dan pendekatan pembangunan, pemasaran dan promosi produk yang didorong pasaran.

Pembangunan sektor perkhidmatan strategik lain tertumpu pada usaha menyediakan infrastruktur yang membolehkan pembangunan sektor ini di samping usaha meningkatkan pakatan strategik, menambah baik infrastruktur fizikal, dan mempercepat pembangunan kapasiti dan keupayaan dalam pengetahuan dan kemahiran.

(d) Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Teras pembangunan adalah untuk membangunkan e-Malaysia yang dinamik dan berdaya maju yang akan berpandukan Agenda Teknologi Maklumat (IT) Negara yang tertumpu pada pembangunan manusia, infostruktur dan aplikasi. Program disesuaikan ke arah menggalakkan kesedaran, keyakinan, dan penggunaan ICT, serta memperkukuh kapasiti keinstitusian dan akses kepada maklumat dan pengetahuan yang saksama, yang akhirnya mengurangkan jurang digital. Pelbagai usaha akan diambil untuk membangunkan Malaysia sebagai hab ICT dan multimedia global dengan menggalakkan persaingan yang sihat, menghapuskan sekatan kemasukan dan meningkatkan infrastruktur ICT.

Lebih banyak PKS berasaskan ICT, termasuk syarikat ICT yang baru memulakan perniagaan, akan dibangunkan untuk membantu peningkatan produktiviti dan pengembangan pasaran. PKS digalakkan mengumpul sumber ICT mereka dan membangunkan portal e-dagang. Kerajaan menyediakan sumber bagi membangunkan kemahiran dan kompetensi yang perlu untuk pekerja PKS bagi memudahkan penggunaan ICT secara lebih meluas.

(e) PKS Bumiputera dan Desa

Dalam usaha menggalakkan dan menaikkan taraf PKS Bumiputera di bawah Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputra (MPPB), usaha akan dipergiatkan untuk membantu usahawan Bumiputera meningkatkan kemahiran dalam pengurusan perniagaan, ICT, R&D, pembangunan produk dan pemasaran, serta menjalin pakatan strategik dengan usahawan bukan Bumiputera.

Bagi PKS desa, penyertaan dan daya saing mereka akan dipertingkatkan melalui konsep satu daerah satu industri, penggunaan teknologi dalam proses pengeluaran, akreditasi kualiti, dan promosi pasaran dengan pelanggan korporat dan antarabangsa.

Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005)

Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8), yang meliputi tempoh 2001-2005 merupakan rancangan lima tahun pertama pelaksanaan RRJP3, yang bertujuan untuk mencapai matlamat memapankan pertumbuhan dan memperkukuh daya tahan ekonomi.

Dengan globalisasi dan liberalisasi perdagangan yang semakin meningkat, di samping kepesatan pembangunan ICT, daya saing Malaysia bergantung pada kemampuannya untuk memperkukuh daya tahan ekonomi.

Menyedari hakikat ini, teras utama RMK-8 adalah untuk membuat anjakan strategi pertumbuhan Malaysia daripada yang didorong oleh input kepada yang didorong oleh pengetahuan. Dengan ini, ia akan meningkatkan pertumbuhan keluaran potensi, menggalakkan transformasi struktur dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan serta menggiatkan semula sektor pertanian.

Penglibatan sektor swasta yang lebih meluas digalakkan dengan sektor awam memainkan peranan sokongan dengan menyediakan rangka kerja keinstitusian yang menggalakkan perkhidmatan berkualiti.

RMK-8: Membangunkan PKS yang Berdaya Tahan

Dalam persekitaran yang lebih mencabar, PKS sedar akan keperluan untuk menjadi lebih berdaya tahan dan berdaya saing dalam menghadapi perubahan ekonomi. Sehubungan dengan ini, usaha Kerajaan tertumpu pada pengukuhan PKS, dan dengan itu menggalakkan pelaburan dalam negeri dan pertumbuhan ekonomi di bawah RMK-8.

Strategi utama RMK-8 yang membabitkan PKS tertumpu pada:

- Mempertingkatkan pertumbuhan produktiviti melalui peningkatan pengetahuan, kemahiran dan kepakaran pekerja, serta peningkatan tahap R&D dan sains dan teknologi;

- Meningkatkan daya saing dan daya tahan ekonomi dengan mempercepat peralihan sektor ekonomi utama ke arah proses pengeluaran yang lebih cekap dan aktiviti nilai ditambah yang tinggi;

- Mengembangkan penggunaan ICT, dalam dan meliputi semua sektor untuk mempercepat proses pertumbuhan; dan

- Mengukuhkan asas sumber manusia bagi memastikan ketersediaan tenaga manusia dengan tahap pengetahuan dan kemahiran teknikal dan kemampuan berfikir yang lebih tinggi.

Semasa tempoh RMK-8, Pelan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDP) dirumuskan bagi merencana hala tuju industri kecil dan sederhana (IKS). SMIDP menggariskan strategi dan langkah-langkah untuk mengintegrasikan IKS sepenuhnya dalam arus perdana aktiviti perkilangan dan membantu pembangunan IKS dengan menyediakan rantaian kritikal dalam pembangunan sektor perindustrian yang berdaya saing di peringkat global dan yang menyeluruh. SMIDP memudahkan transformasi IKS daripada industri intensif pekerja kepada industri yang berteraskan modal, pengetahuan dan teknologi. Dalam memastikan pelaksanaan pelan tindakan yang berkesan, Perbadanan Pembangunan IKS (SMIDEC) telah diperkukuh semasa tempoh itu, bagi membolehkan agensi ini berkhidmat untuk IKS secara lebih berkesan.

Program yang dilaksanakan untuk PKS di bawah tempoh RMK-8 tertumpu pada peningkatan rantaian antara PKS dengan syarikat besar, mewujudkan akses kepada pasaran bagi PKS, menggalakkan penggunaan ICT dan meningkatkan pengetahuan serta kemahiran di kalangan PKS.

(a) Mempertingkatkan Rantaian

Program Rangkaian Perindustrian (ILP) merangkumi insentif fiskal, pemadanan perniagaan dan program sokongan seperti pembangunan teknologi, peningkatan kemahiran, pembangunan pasaran dan tapak perindustrian yang disediakan. PKS yang berdaftar dengan SMIDEC akan disediakan dengan platform untuk berhubung dengan syarikat besar dan syarikat multinasional. Di samping itu, SMIDEC juga bekerjasama dengan sebuah rantaian pasar raya besar milik asing di Malaysia dalam mengenal pasti dan membangunkan PKS tempatan dalam industri pemprosesan makanan menjadi pembekal global.

Skop ILP telah diperluas untuk merangkumi Program Pembekal Global (GSP). Melaluinya, keupayaan PKS dibangunkan bagi membolehkan PKS menjadi lebih berdaya saing dalam membekalkan alat ganti dan komponen kepada syarikat multinasional dan operasi mereka di seluruh dunia. Melalui GSP, PKS diberikan latihan dalam kemahiran kritikal dan dihubungkan dengan syarikat besar dan multinasional.

(b) Mewujudkan Pasaran

Di bawah program promosi pemasaran, beberapa pendekatan dan inisatif baru diambil untuk menggalakkan eksport. Ini termasuk penubuhan pusat-pusat pameran dan edaran serantau dalam pasaran di luar negara yang terpilih. Bagi menggalakkan pembelian oleh delegasi ke Malaysia, kemudahan pengedaran diwujudkan dan pesta perdagangan antarabangsa khusus telah diadakan. Penyertaan dalam pesta perdagangan yang bersifat khusus dan am di luar negara, dan penganjuran Pameran Produk Malaysia dalam pasaran baru dan sedang berkembang, juga diberi penekanan. Lebih fokus diberikan untuk mempromosikan jenama Malaysia supaya produk dan perkhidmatan Malaysia dalam pasaran dapat dibezakan.

Pasaran baru termasuk negara di Asia Tengah, Timur Tengah dan Amerika Selatan. Pada masa yang sama, usaha terus dijalankan untuk mengekalkan dan meningkatkan lagi bahagian pasaran Malaysia dalam pasaran tradisional serta memperkenalkan produk-produk baru dalam pasaran ini. Latihan dalam bidang pemasaran, prosedur dan dokumentasi eksport turut dipergiatkan bagi membolehkan lebih banyak PKS mengeksport produk dan perkhidmatan mereka. Di samping itu, bagi memudahkan PKS menembusi pasaran eksport, bantuan diberikan kepada PKS untuk memperakui produk dan proses mereka bagi memenuhi keperluan negara-negara pengimport.

Menyedari betapa pentingnya aspek penjenamaan, satu dana baru berjumlah RM100 juta telah diwujudkan untuk pembangunan dan promosi jenama Malaysia untuk syarikat-syarikat Malaysia pada tempoh RMK-8.

(c) Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Bagi menggalakkan PKS meningkatkan lagi keupayaan teknologi dan kompetensi ICT, serta meninggikan keupayaan reka bentuk kejuruteraan mereka, Kerajaan menyediakan insentif bagi pembaikan produk dan proses melalui Geran untuk Pembaikan Produk dan Proses, Tabung Perolehan Teknologi, Skim Pinjaman Mudah untuk Penggunaan ICT dan geran-geran ICT lain, yang meliputi e-Perkilangan. Di bawah Tabung iPerolehan Teknologi, geran pemadanan berjumlah sehingga maksimum RM500,000 bagi setiap syarikat disediakan untuk pembelian perkakasan dan perisian iringan.

Dalam usaha mewujudkan akses kepada pasaran yang lebih luas bagi PKS, penggunaan aplikasi e-dagang secara meluas juga digalakkan. Usaha turut diambil untuk memperhebatkan lagi aplikasi ICT dalam promosi eksport, khususnya menggunakan e-dagang sebagai alat untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan.

(d) Meningkatkan Pengetahuan dan Kemahiran

Penekanan turut diberikan untuk membangunkan kemahiran keusahawanan PKS bagi meningkatkan keupayaan dan daya saing mereka. Oleh itu, usaha promosi yang lebih agresif telah diambil untuk menggalakkan PKS menyertai program-program latihan, berikutan kadar penggunaan dana latihan yang rendah sepanjang tempoh RMK-7. Beberapa program untuk meningkatkan kemahiran keusahawanan, pengurusan dan teknikal telah dilaksanakan. Pembangunan Sumber Manusia Berhad mentadbir Dana Pembangunan Sumber Manusia. PKS yang menyumbang kepada dana ini boleh menggunakannya untuk melatih kakitangan masing-masing.

Bagi memenuhi permintaan terhadap pekerja mahir dalam persekitaran perniagaan yang baru, Program Peningkatan Tahap Kemahiran telah dilaksanakan untuk memberi latihan kepada pekerja PKS melalui 21 pusat pembangunan kemahiran. Geran yang bersamaan dengan 50 peratus daripada kos latihan telah diberikan kepada syarikat untuk membantu mengurang kos latihan.

(e) Usahawan Bumiputera

Sepanjang tempoh RMK-8, Kerajaan terus mempromosikan dan menaikkan taraf PKS Bumiputera sejajar dengan matlamat mewujudkan MPPB. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, selaku agensi peneraju dalam membangunkan usahawan Bumiputera, melaksanakan program seperti Program Pembangunan Vendor untuk menggalakkan penyertaan usahawan Bumiputera dan meningkatkan tahap kemahiran mereka. Pakej bantuan bersepadu, yang adakalanya meliputi sokongan kewangan, komponen latihan dan khidmat sokongan lain, dirangka bagi memenuhi keperluan PKS Bumiputera yang pelbagai dan khusus.

Kerajaan juga mempergiat usaha untuk membantu usahawan Bumiputera memiliki premis yang sesuai untuk pengendalian perniagaan dan perkilangan di bawah Program Premis Perniagaan, Program Taman Perindustrian IKS dan Skim Pembenihan Kilang.

(f) Industri Desa

Usaha yang lebih terfokus dijalankan bagi meningkatkan daya saing PKS dalam industri desa, khususnya industri produk kraf tangan dan makanan. Bagi industri kraf tangan, pusat kraf tangan yang sedia ada dimanfaatkan untuk memajukan lagi industri ini. Di samping itu, kampung-kampung terpilih akan dikenal pasti sebagai pusat kraf untuk mengeluarkan hasil kraf tangan secara besar-besaran bagi pasaran tempatan dan juga untuk eksport.

Usaha tambahan juga diambil untuk membantu usahawan Bumiputera dalam industri desa untuk memasarkan produk mereka dalam pasaran di dalam dan luar negara. Justeru, hasil kraf tempatan telah dipasarkan terutama di Jepun dan Amerika Syarikat. Pengeluaran hasil kraf telah dipermodenkan melalui aplikasi ICT, yang meliputi penggunaan sistem prototaip pantas untuk membuat acuan dalam pengeluaran produk tembikar dan sistem CAD (Computer Aided Design) untuk mereka bentuk produk barangan kemas, produk batik dan songket. Di samping itu, Kerajaan memperkenalkan program satu daerah satu industri dengan 16 daerah terlibat dalam pengeluaran produk berasaskan daun getah, ukiran kayu dan kraf orang asli dan produk tembikar.

Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan

Kerajaan boleh memainkan peranan penting dalam menerajui pembangunan PKS, dan dalam memastikan wujud persekitaran yang membolehkan penggalakan penubuhan dan pertumbuhan PKS yang berdaya saing dan berdaya tahan.

Pengalaman negara Jepun, China Taipei, Thailand dan Jerman menunjukkan bahawa Kerajaan di negara tersebut memberi sokongan kuat kepada PKS dengan menyediakan infrastruktur yang perlu bagi pembangunan PKS. Pendekatan yang diambil adalah teratur dan tertumpu pada kedua-dua bidang pembiayaan dan pembangunan. Agensi PKS yang khusus ditubuhkan di bawah bidang kuasa sebuah Kementerian Persekutuan, dengan peranan yang jelas untuk menyokong PKS dan menyelaraskan pelaksanaan strategi pembangunan PKS di peringkat nasional (persekutuan) dan wilayah (negeri). Satu jawatankuasa pembuat dasar PKS peringkat tertinggi juga telah ditubuhkan bagi menentukan strategi dan matlamat umum untuk pembangunan PKS.

Di Malaysia, terdapat lebih daripada 12 Kementerian dan 38 Agensi yang terlibat dalam pembangunan PKS. Walaupun setiap Kementerian mempunyai peranan dan kumpulan sasaran mereka yang tertentu untuk pembangunan PKS, satu pendekatan yang lebih berfokus dan terselaras diperlukan untuk meningkatkan kecekapan dan jangkauan kepada PKS dalam semua sektor ekonomi.

Untuk meningkatkan lagi peranan Kerajaan dan mencapai tahap penyelarasan dan fokus dalam pembangunan PKS yang lebih baik di kalangan pelbagai pihak berkepentingan, Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan telah ditubuhkan pada bulan Jun 2004.



ihsan daripada MIDA

Dengan dipengerusikan oleh Perdana Menteri dan dianggotai oleh Menteri-menteri dan Ketua-ketua Jabatan daripada 18 Kementerian dan Agensi yang terlibat dalam pembangunan PKS, Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) bertindak sebagai badan pembuat dasar peringkat tertinggi untuk menentukan hala tuju strategik bagi dasar Kerajaan berhubung pembangunan PKS. Ini bagi memastikan penyelarasan dan keberkesanan program Kerajaan.

Khususnya, bidang tugas MPPK ialah untuk:

- Merumuskan dasar dan strategi umum bagi memudahkan pembangunan keseluruhan PKS di kesemua sektor;
- Mengkaji semula peranan dan tanggungjawab Kementerian dan Agensi Kerajaan (iaitu "pihak berkepentingan") yang bertanggungjawab terhadap pembangunan PKS;
- Meningkatkan kerjasama dan penyelarasan, di samping membimbing pihak berkepentingan bagi memastikan pelaksanaan dasar dan pelan tindakan pembangunan PKS yang berkesan;
- Menggalakkan dan memperkukuh peranan sektor swasta dalam menyokong pembangunan keseluruhan PKS; dan
- Memberi penekanan pada pembangunan PKS Bumiputera di kesemua sektor ekonomi.

Majlis ini menumpukan usaha pada tiga bidang strategik yang umum ke arah menggalakkan persekitaran yang membolehkan pemupukan dan menyokong pembangunan PKS, iaitu:

- Mewujudkan infrastruktur yang membolehkan pembangunan PKS. Ini melibatkan usaha membangunkan dan meningkatkan infrastruktur fizikal dan pengurusan maklumat, serta memastikan peraturan dan keperluan pengendalian yang kondusif bagi PKS;
- Membina kapasiti dan keupayaan PKS, khususnya dalam bidang pemasaran dan promosi, pengurusan modal insan, khidmat nasihat, kesedaran dan jangkauan, pembangunan usahawan, penambahbaikan teknologi dan pembangunan produk; dan
- Meningkatkan akses kepada pembiayaan oleh PKS, yang melibatkan usaha membangunkan dan memperkukuh pengaturan keinstitusian untuk menyokong keperluan pembiayaan PKS.

Majlis ini bermesyuarat dua kali setahun dan mesyuarat sulungnya telah diadakan pada 13 Ogos 2004. Sejak itu, Majlis ini telah bermesyuarat sebanyak empat kali dengan mesyuarat keempat diadakan pada 16 Disember 2005.

Kemajuan dan pencapaian utama Majlis ini dalam tiga bidang strategik umum bagi pembangunan PKS diringkaskan dalam rajah berikut.

Pencapaian Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan



Sumber: Sekretariat, Bank Negara Malaysia, 2005

Laporan mengenai inisiatif-inisiatif utama Majlis ini terkandung dalam Bab 5 Laporan ini.

Kerjasama Serantau Mengenai Pembangunan PKS

Dengan arus globalisasi yang kian pesat dan hubungan antara negara yang semakin berkembang, terutamanya dari segi perdagangan dan pelaburan antara rantau, kerjasama di kalangan negara serantau dalam pembangunan PKS menjadi bertambah penting.

Atas kesedaran ini, Malaysia telah melibatkan diri secara aktif dalam kumpulan dan forum serantau yang menggalakkkan pembangunan PKS, dengan tujuan untuk mewujudkan peluang kepada PKS Malaysia untuk menceburi aktiviti di luar negara, dan juga bagi syarikat asing mendapatkan rakan niaga mereka di negara ini. Khususnya, Malaysia secara aktif telah melibatkan diri dan menyumbang kepada inisiatif serantau mengenai pembangunan PKS di bawah Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) dan Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC).

Program PKS di bawah Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC)

Kumpulan Kerja PKS APEC

Kumpulan Kerja PKS ini pada mulanya dibentuk hanya sebagai Kumpulan Peringkat Dasar *Ad Hoc* mengenai PKS pada bulan Februari 1995, dengan pelan permulaan untuk tempoh selama dua tahun sahaja.

Pada peringkat permulaan, Kumpulan ini bertujuan untuk membantu PKS di negara-negara anggota meningkatkan daya saing mereka dan membantu mewujudkan persekitaran perdagangan dan pelaburan yang lebih terbuka bagi perusahaan-perusahaan ini. Tempoh asal Kumpulan ini selama dua tahun kemudiannya dilanjutkan sebanyak dua kali, yang pertama pada tahun 1996 dan sekali lagi pada tahun 1998.

Semasa Mesyuarat Menteri-menteri PKS APEC Ke-4 di Ottawa pada bulan September 1997, Menteri-menteri Perdagangan telah mengesahkan "Rangka Kerja Aktiviti PKS APEC" dan komited terhadap usaha memupuk persekitaran perniagaan yang mampu mengendalikan keperluan khusus PKS. Pada ketika itulah Kumpulan ini diubah namanya kepada Kumpulan Kerja PKS (SMEWG) dan diberi status kumpulan tetap pada tahun 2000.

Objektif utama SMEWG adalah untuk menggalakkan pembangunan PKS yang merupakan tunjang pertumbuhan ekonomi serantau.

Sementara itu, Menteri-menteri APEC yang bertanggungjawab terhadap PKS, bersetuju menubuhkan Kumpulan Kecil Perusahaan Mikro (MESG) pada tahun 2002, setelah menyedari keperluan dan ciri unik perusahaan mikro. MESG berazam untuk merumuskan dasar dan membangunkan rangka kerja untuk meningkatkan kecekapan, produktiviti dan daya saing perusahaan mikro

Inisiatif Daegu

Pada tahun 2005, "Inisiatif Daegu Mengenai Pelan Tindakan Inovasi PKS" disahkan oleh APEC. Objektif Inisiatif ini adalah untuk menggalakkan negara-negara anggota meningkatkan dan mempercepat penerimapakaian inovasi dan kreativiti PKS. Pelan tindakan ini mengenal pasti langkah-langkah kerjasama dan kecekapan yang dijuruskan kepada peningkatan inovasi PKS melalui kajian semula secara sukarela, perkongsian maklumat dan membuat saranan di kalangan mereka.

Tujuh bidang utama yang ditekankan oleh Inisiatif Daegu ialah:

- Membangunkan sumber manusia dan teknologi melalui industri dan institusi pendidikan dan penyelidikan;
- Memudahkan akses kepada bantuan pakar dan perkhidmatan perundingan;
- Meningkatkan kewujudan modal kepada PKS yang inovatif;
- Mengadakan rangkaian hubungan dan kelompok untuk PKS yang inovatif;
- Mewujudkan struktur perundangan dan pengawalseliaan yang sesuai;
- Mewujudkan persekitaran ekonomi yang konsisten dengan pasaran; dan
- Membentuk metodologi untuk mengukur secara berkesan kemajuan dalam pelaksanaan program inovasi untuk PKS.

Pusat Inovasi APEC untuk Pembangunan PKS, iaitu sebuah pusat pembiayaan kendiri di Seoul dengan kos permulaan sebanyak USD1 juta, telah ditubuhkan pada tahun 2005. Pusat ini akan menjadi platform utama bagi perkongsian pengalaman dasar dalam APEC mengenai hal-hal berkaitan PKS, seperti penggalakan inovasi PKS di rantau ini. Pusat ini juga akan menghubungkan PKS dalam negara-negara APEC dengan sokongan daripada organisasi di negara anggota untuk meningkatkan kapasiti inovasi PKS serantau secara keseluruhan.

Aktiviti di Pusat ini termasuk pendidikan dan latihan untuk bina upaya yang inovatif, pembangunan model inovasi, dan pembinaan rangkaian kerjasama PKS di rantau ini.

Program PKS di bawah Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN)

Kumpulan Kerja PKS ASEAN

Di bawah bidang kuasa Menteri-menteri Ekonomi ASEAN, Kumpulan Kerja PKS (SMEWG) ASEAN telah ditubuhkan untuk menyediakan platform untuk berkongsi kepentingan yang sama, pandangan dan maklumat mengenai pembangunan PKS. Kumpulan ini bertindak sebagai rangkaian kepada agensi berkaitan PKS untuk berkongsi idea. Rangkaian kerjasama ini dilengkapi usaha untuk memperkukuh PKS melalui program bina upaya yang bertujuan untuk meningkatkan daya saing PKS.

Satu daripada inisiatif utama SMEWG ASEAN ialah perumusan Pelan Tindakan Dasar untuk Pembangunan PKS ASEAN Dekad 2004-2010 (“Pelan Tindakan PKS ASEAN”). Pelan tindakan ini menggariskan rangka kerja pembangunan PKS di rantau ASEAN. Pelan tindakan ini bertujuan mempercepat kadar pembangunan PKS dan meningkatkan usaha kerjasama dan integrasi PKS di rantau ini.

Teras pelan tindakan ini termasuk memupuk budaya keusahawanan, menggalakkan inovasi dan meningkatkan rangkaian hubungan di kalangan PKS di rantau ini. Secara khusus, pelan tindakan ini akan menumpukan kepada:

- Bina upaya dalam struktur organisasi dan pengurusan PKS supaya PKS mampu berdikari dalam kebanyakan aspek;
- Menanda aras keupayaan PKS;
- Menggalakkan pemberian kontrak kecil antara syarikat dan pengaturan rangkaian hubungan lain;
- Meningkatkan akses PKS kepada e-dagang dan kewangan; dan
- Meningkatkan persekitaran dasar dan menggalakkan perkongsian yang sinergik di kalangan pihak berkepentingan awam dan swasta untuk pembangunan PKS.

Inisiatif Beijing

Susulan arahan Ketua-ketua di Sidang Pleno ASEAN + 3 ke-8 (China, Jepun dan Republik Korea), China telah menganjurkan Seminar Peringkat Tinggi Pertama mengenai Penggalakan Pembangunan dan Pelaburan PKS di Asia Timur di Beijing pada 27 hingga 28 Oktober 2005.

Inisiatif Beijing terbentuk hasil daripada keputusan yang dibuat di seminar ini, dan ia telah diterima pakai sebagai rangka kerja untuk meningkatkan kerjasama pembangunan PKS di kalangan negara terlibat. Program kerja yang digariskan di bawah Inisiatif ini termasuk memperbaik persekitaran pelaburan dan pembiayaan bagi PKS di Rantau Asia Timur, membincangkan dan menubuhkan skim pembiayaan pelaburan, dan juga mengukuhkan penggalakan ekonomi, perdagangan dan kerjasama di kalangan PKS di Asia Timur.

Inisiatif Beijing juga membuat komitmen untuk menganjurkan Seminar Peringkat Tinggi mengenai Usaha Menggalakkan Pembangunan dan Pelaburan PKS di Asia Timur setiap tahun. Thailand akan menjadi tuan rumah pada tahun 2006.

Perkara utama Inisiatif Beijing merangkumi cadangan inisiatif untuk:

- Mewujudkan mekanisme untuk komunikasi dan rundingan yang kerap;
- Membincangkan bidang kerjasama baru, menambah lagi bidang kerjasama, meningkatkan tahap dan kaedah kerjasama yang lebih tinggi, serta berkongsi pengetahuan dan pengalaman untuk menggalakkan pertumbuhan PKS;
- Menubuhkan dan meningkatkan sistem pelaburan dan pembiayaan pelbagai peringkat untuk PKS; dan
- Meneroka lagi pembentukan inisiatif infrastruktur serantau untuk menggalakkan PKS ASEAN+3, seperti menubuhkan Dana Pembangunan PKS Serantau dan Pusat Khidmat Perunding PKS.